

MARUAH KANAK-KANAK: SUATU PERSPEKTIF HADITH MENJAYAKAN *SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOAL* KE-16.2

Children's Dignity: A Hadith Perspective on Achieving Sustainable Development Goal 16.2

Abdul Muiz Hazban¹, Khairulnazrin Nasir², Ishak Suliaman³, Azfar Suhaimi⁴

¹ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

² Akademi Pengajian Islam, Pusat Pendidikan Universiti Malaya (UMEC), Bachok, Kelantan, Malaysia

³ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia

⁴ Fakulti Usuluddin dan Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kota Bharu, Malaysia.

Email: ¹ibnuhazban10@gmail.com, ²khairulnazrin@um.edu.my, ³ishaks@um.edu.my, ⁴azfar@kias.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis sumbangan perspektif hadith dalam merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 16.2 berkaitan perlindungan maruah kanak-kanak melalui pendekatan kajian dokumen. Analisis dilakukan terhadap teks hadith serta tafsirannya bagi meneliti keselarasan prinsip hadith dengan sasaran SDG 16.2; keamanan, keadilan, dan pengukuhan institusi. Dapatan menunjukkan empat prinsip utama dalam hadith yang sejajar dengan SDG 16: keadilan (*al-adl*), perlindungan (*al-hifz*), penglibatan (*al-musyarakah*), dan pemberdayaan (*al-tanmiyah*). Kajian ini menganalisis perspektif hadith berkaitan perlindungan maruah kanak-kanak dan meneliti keselarasan prinsip hadith dengan sasaran SDG 16.2 berkaitan keamanan, keadilan, dan pengukuhan institusi. Walaupun kajian ini terhad kepada analisis teoritikal, penyelidikan empirikal masa depan diperlukan untuk menilai keberkesanan prinsip ini dalam pelbagai konteks budaya. Implikasi praktikal termasuk cadangan integrasi prinsip hadith dalam dasar perlindungan kanak-kanak, sistem keadilan juvenil, dan program latihan profesional. Dapatan ini menyumbang kepada kefahaman tentang pendekatan bersepadu antara ajaran Islam dan agenda pembangunan global dalam melindungi maruah kanak-kanak.

Kata Kunci: Perlindungan; Kanak-Kanak; Hadith; Maruah; Sustainable Development Goals

ABSTRACT

*This study analyzes the contribution of hadith perspectives in realizing Sustainable Development Goal (SDG) 16.2 regarding the protection of children's dignity through a document study approach. Analysis was conducted on hadith texts and their interpretations to examine the alignment of hadith principles with SDG 16.2 targets; peace, justice, and institutional strengthening. Findings reveal four main principles in hadith that align with SDG 16.2: justice (*al-adl*), protection (*al-hifz*), participation (*al-musyarakah*), and empowerment (*al-tanmiyah*). This study analyzes the hadith perspective on the*

protection of children's dignity and examines the alignment of hadith principles with SDG 16.2 targets concerning peace, justice, and the strengthening of institutions. Although this study is limited to theoretical analysis, future empirical research is needed to assess the effectiveness of these principles in various cultural contexts. Practical implications include suggestions for integrating hadith principles into child protection policies, juvenile justice systems, and professional training programs. These findings contribute to understanding the integrated approach between Islamic teachings and the global development agenda in protecting children's dignity.

Keywords: Protection; Children; Hadith; Dignity; Sustainable Development Goals

PENGENALAN

Perlindungan maruah kanak-kanak adalah asas penting dalam memastikan hak dan kesejahteraan mereka terjamin secara global, diiktiraf dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) (Khurshid et al., 2020). Kegagalan melindunginya boleh membawa kesan jangka panjang terhadap kesihatan mental, pendidikan, dan peluang hidup kanak-kanak (Lansdown, 2020). Penekanan global ini mencerminkan kesedaran bahawa kesejahteraan kanak-kanak adalah prasyarat kepada pembangunan masyarakat yang lestari.

Sasaran SDG 16.2 secara khusus menyeru penamatan penderaan dan keganasan terhadap kanak-kanak. Namun, Menurut UNICEF, tiga daripada empat kanak-kanak berumur 2-4 tahun di seluruh dunia mengalami disiplin ganas oleh penjaga mereka di rumah (UN News), disiplin ganas merujuk kepada penggunaan hukuman fizikal yang menyakitkan atau kaedah psikologi yang merendahkan martabat untuk mengawal tingkah laku kanak-kanak dan fenomena ini berlaku merentas semua lapisan ekonomi masyarakat, tidak terhad kepada keluarga berpendapatan rendah sahaja (Abrahamyan et al., 2024). Menurut kajian Sudo dkk. (2023), lebih 80% kanak-kanak mengalami hukuman dan penderaan fizikal di rumah mereka, dengan sekurang-kurangnya satu pertiga mengalami penderaan fizikal yang teruk. Manakala kajian sistematik dan meta-analisis mendapati bahawa kelaziman global (*global prevalence*), pendedahan kanak-kanak terhadap keganasan fizikal dalam rumah tangga dan keluarga sebagai mangsa atau saksi masing-masing sekitar 17.3% dan 16.5%, dengan kadar yang lebih tinggi di wilayah seperti Asia Barat dan Afrika (Whitten et al., 2023).

Pandemik COVID-19 turut memburukkan risiko keganasan dan menghadkan akses kepada perkhidmatan perlindungan (Gunaratna & Pethö-Kiss, 2023). Selain itu, implementasi dasar perlindungan kanak-kanak menghadapi cabaran signifikan dalam konteks budaya Islam, sebagai contoh sensitiviti budaya dalam melaksanakan dasar berkaitan program perlindungan kanak-kanak yang dibangunkan mengikut model Barat mungkin tidak sesuai atau ditolak oleh masyarakat Muslim kerana tidak mengambil kira nilai-nilai Islam. Justeru, ia memerlukan pemahaman mendalam tentang nuansa budaya dan nilai-nilai tempatan untuk memastikan keberkesanan dan penerimaan optimum (Cikka, 2022; Hutchinson et al., 2015).

Walaupun kepentingan perlindungan kanak-kanak diiktiraf, terdapat jurang dalam penyelidikan dan pelaksanaan. Terdapat kekurangan integrasi perspektif Islam dalam kerangka SDG (Asdlori & Yahya, 2023). Empat prinsip hadith; keadilan, perlindungan, penglibatan, dan pemberdayaan; relevan dengan perlindungan kanak-kanak, tetapi hubungannya dengan SDG 16.2 belum dieksplorasi secara mendalam. Keadilan merujuk kepada layanan saksama kepada kanak-kanak tanpa diskriminasi; perlindungan merangkumi pemeliharaan fizikal, psikologi dan maruah kanak-kanak; penglibatan bermaksud mengambil kira pandangan kanak-kanak dalam perkara yang melibatkan mereka; manakala pemberdayaan merujuk kepada usaha membangunkan potensi kanak-kanak secara optimum mengikut ajaran Islam (Dewan Bahasa dan Pustaka; Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)).

Kajian ini juga menyoroti keperluan untuk membangunkan kerangka kerja yang sensitif budaya bagi perlindungan kanak-kanak, kerana terdapat cabaran dalam menterjemahkan prinsip hadith kepada aplikasi praktikal dalam menghadapi cabaran kontemporari (Hazlin & Latifah, 2024). Kerangka sedemikian perlu menggabungkan prinsip universal sambil menghormati dan memanfaatkan nilai-nilai tempatan. Kajian ini sangat relevan memandangkan sekitar 1.9-2 bilion pada tahun 2023, yang mewakili

kira-kira 24.9-26% daripada populasi dunia (Current Muslim Population Statistics Worldwide), yang dapat memanfaatkan kerangka perlindungan kanak-kanak yang berakar umbi dalam ajaran agama mereka, sekali gus meningkatkan keberkesanan dan penerimaan inisiatif perlindungan.

Berdasarkan latar belakang masalah dan justifikasi ini, kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif utama. Pertama, menganalisis perspektif hadith berkaitan perlindungan maruah kanak-kanak dengan meneliti hadith-hadith relevan yang menggariskan hak, kesejahteraan, dan kehormatan kanak-kanak dalam Islam, termasuk ajaran Nabi Muhammad S.A.W. mengenai layanan adil dan perlindungan. Kedua, meneliti keselarasan prinsip hadith dengan sasaran SDG 16.2 melalui analisis perbandingan nilai-nilai hadith (keadilan, perlindungan, penglibatan, dan pemberdayaan) dengan sasaran SDG 16.2 yang berkaitan dengan penamatan penderaan dan keganasan terhadap kanak-kanak.

Manakala, konsep maruah kanak-kanak merujuk kepada kehormatan, martabat dan kemuliaan yang melekat pada diri setiap kanak-kanak sebagai makhluk ciptaan Allah SWT, yang merangkumi perlindungan daripada segala bentuk penghinaan, penderaan, eksploitasi dan layanan yang merendahkan martabat mereka, selaras dengan prinsip *karamah al-insan* (kemuliaan manusia) dalam ajaran Islam (Hashim et al., 2019; Mochammad Sahid et al., 2024; Mohd Afendi et al., 2023; Samuri et al., 2021).

Dari segi praktikal, hasil kajian ini akan menyediakan panduan berharga untuk dasar perlindungan kanak-kanak yang lebih sensitif budaya. Ia dapat dimanfaatkan oleh penggubal dasar, organisasi bukan kerajaan, dan komuniti dalam merancang serta melaksanakan program perlindungan yang lebih berkesan di lapangan. Pendekatan ini akan mengambil kira konteks budaya dan keagamaan masyarakat Muslim, sekali gus memupuk pemahaman bersepadu antara ajaran Islam dan agenda global dalam perlindungan maruah kanak-kanak. Ini penting bagi memastikan inisiatif perlindungan mencapai keberkesanan yang lebih tinggi dan diterima baik oleh komuniti sasaran.

SOROTAN LITERATUR

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) ke-16 merupakan salah satu komponen daripada 17 SDG oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ia mempunyai 12 sasaran dan petunjuk ukuran melalui 23 petunjuk pengukuran khusus yang menangani aspek keamanan, keadilan, dan institusi yang kukuh. Sasaran SDG 16.2 yang menyeru penamatan semua bentuk keganasan terhadap kanak-kanak menghadapi cabaran pelaksanaan yang kompleks dan bervariasi mengikut konteks (Davidson et al., 2019; Gregorzewski et al., 2023; Lawrence et al., 2020). Namun begitu, kajian meta oleh Biermann et al. (2022) mendapati jurang ketara antara kenyataan dasar dan pelaksanaan sebenar, manakala kajian empirik menunjukkan kemajuan terhad terutamanya dalam konteks negara membangun di mana sistem perlindungan kanak-kanak masih lemah.

Walaupun kajian mengenai SDG 16.2 semakin berkembang, terdapat jurang ketara dalam penyelidikan yang mengintegrasikan perspektif Islam, khususnya hadith, dengan kerangka pembangunan mampan global. Kajian Marpaung dan Lubis (2025) serta Noh (2022) telah menggariskan keselarasan antara ajaran Islam melalui Maqasid al-Shariah dengan objektif pembangunan lestari, namun analisis mendalam tentang hubungan hadith dengan SDG 16.2 masih terhad. Wahid et al. (2023) menekankan bahawa tiada kajian sistematik yang menghubungkan hadith dengan SDG 16.2 dalam konteks perlindungan maruah kanak-kanak secara khusus. Jurang ini adalah signifikan memandangkan 1.9-2 bilion populasi Muslim global yang berpotensi mendapat manfaat daripada kerangka perlindungan kanak-kanak yang berakar umbi dalam ajaran agama mereka.

Salah satu cabaran utama dalam pelaksanaan SDG 16.2 adalah keperluan membangunkan pendekatan yang sensitif budaya tanpa menjejaskan prinsip-prinsip universal hak kanak-kanak. Kigonya dan Olsson (2023) menekankan bahawa perlindungan kanak-kanak daripada diskriminasi, keganasan, dan eksploitasi memerlukan pemahaman mendalam tentang konteks budaya dan agama tempatan. Manakala Akkari dan Radhouane (2022) serta Savelovici (2024) dalam analisis mereka menekankan bahawa pendekatan yang tidak mengambil kira konteks budaya dan agama cenderung kurang berkesan dan sukar untuk diimplementasikan. Hal ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan kerangka teoritis yang dapat menjembatani nilai-nilai universal dengan kepercayaan dan amalan tempatan, khususnya dalam konteks komuniti Muslim.

Nafsaka et al. (2023) menyoroti cabaran dalam menterjemahkan prinsip hadith kepada aplikasi praktikal dalam menghadapi cabaran kontemporari, menekankan bahawa empat prinsip hadith; keadilan

(*al-adl*), perlindungan (*al-hifz*), penglibatan (*al-musyarakah*), dan pemberdayaan (*al-tanmiyah*), mempunyai relevansi tinggi dengan perlindungan kanak-kanak, namun hubungannya dengan SDG 16.2 belum dieksplorasi secara mendalam. Kajian Jannah (2023) menunjukkan bahawa prinsip hadith dapat membentuk kepekaan sosial, empati, dan keadilan yang penting dalam pembentukan karakter yang bertanggungjawab, namun pengaplikasian prinsip-prinsip ini dalam konteks perlindungan kanak-kanak memerlukan analisis yang lebih komprehensif dan sistematik.

Sorotan literatur menunjukkan jurang kritikal yang perlu ditangani iaitu tiada kerangka teori yang komprehensif yang menghubungkan prinsip-prinsip hadith dengan sasaran SDG 16.2. Jurang ini bukan sahaja mengehadkan pembangunan dasar yang sensitif budaya, tetapi juga menghilangkan peluang untuk memanfaatkan kekayaan tradisi Islam dalam menangani cabaran global berkaitan perlindungan kanak-kanak.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian dokumen yang memfokuskan kepada analisis teks hadith dan tafsirannya. Sumber data utama terdiri daripada teks-teks hadith yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak dan maruah mereka, yang dianalisis secara teoritikal untuk meneliti keselarasan prinsip-prinsip hadith dengan sasaran SDG 16.2, khususnya tiga penunjuk utama iaitu pencegahan hukuman fizikal dan psikologi oleh penjaga, pemerdagangan manusia kanak-kanak, dan keganasan seksual terhadap kanak-kanak. Proses analisis melibatkan pengkajian mendalam terhadap kandungan hadith dan interpretasi ulama klasik mahupun kontemporari bagi mengidentifikasi empat prinsip utama yang sejajar dengan objektif SDG 16.2, iaitu keadilan (*al-adl*), perlindungan (*al-hifz*), penglibatan (*al-musyarakah*), dan pemberdayaan (*al-tanmiyah*). Kajian ini terhad kepada analisis teoritikal dan tidak melibatkan kajian empirikal, pendekatan ini membolehkan pembangunan kerangka konseptual yang komprehensif untuk memahami sumbangan perspektif hadith dalam merealisasikan matlamat pembangunan lestari berkaitan perlindungan maruah kanak-kanak daripada keganasan, eksploitasi, dan penganiayaan. (Sarudin & Jait, 2023; Shariff, 2017)

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini membentangkan suatu kerangka di antara perpektif nilai-nilai hadith dan SDG 16.2 khususnya berkaitan kanak-kanak sebagai asas kepada kelestarian pembangunan sosial negara.

1. *Al-'Adl* (Keadilan)

Pertama, prinsip *al-'adl* atau keadilan merupakan fundamental dalam Islam yang menekankan layanan yang saksama terhadap semua individu tanpa mengira status atau kedudukan mereka (Dery, 2002). Kajian Samuri et al. (2021) mengatakan, dalam konteks perlindungan kanak-kanak, keadilan bermaksud memastikan setiap kanak-kanak menerima hak dan layanan yang sama rata tanpa diskriminasi.

Hal ini terbukti dalam hadith yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Bashir di mana Rasulullah SAW bersabda:

اتَّقُوا اللَّهَ وَاَعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ

Terjemahan: "Bertakwalah kepada Allah dan berlakulah adil terhadap anak-anak kalian" (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Hibāt, Bāb Karāḥah Tafḍīl Ba'd al-Awḷād fī al-Hibāt, No. 1623).

Hadith di atas menegaskan bahawa keadilan dalam layanan kanak-kanak bukan sahaja merupakan tuntutan sosial, tetapi juga merupakan kewajiban agama yang akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT. Oleh itu, implikasi hadith ini menuntut perlaksanaan dasar dan amalan yang memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang, perlindungan, dan layanan yang sama rata dalam semua aspek kehidupan mereka.

Di dalam hadith yang lain, Ibnu 'Umar meriwayatkan:

كُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْأَمِيرُ رَاعٍ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى نَيْبِ زَوْجِهَا وَوَلَدِهِ، فَكُلُّكُمْ رَاعٍ، وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Terjemahan: “Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan ditanya tentang kepemimpinannya. Imam adalah pemimpin dan akan ditanya tentang rakyatnya. Lelaki adalah pemimpin dalam keluarganya dan akan ditanya tentang keluarganya” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Mar’ah Rā’iyah fī Bayt Zawjihā, No. 5200)

Begitu juga Anas bin Malik meriwayatkan daripada Nabi SAW:

إِنَّ اللَّهَ سَائِلٌ كُلَّ رَاعٍ عَمَّا اسْتَرْعَاهُ، أَحْفَظَ ذَلِكَ أَمْ ضَيَّعَ؟ حَتَّى يُسْأَلَ الرَّجُلُ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah akan bertanya kepada setiap pemimpin tentang apa yang dipimpinnya, adakah dia memelihara atau menyalahkannya.” (Kitāb al-Sunan al-Kubrā li al-Imām al-Nasā’ī, Kitāb ‘Āshirat al-Nisā’, Bāb Mas’alat Kulli Rā’in ‘Ammā Istar’āh, No. 9129, Dinilai Ḥasan oleh al-Albānī dalam Ṣaḥīḥ al-Jāmi’)

Kedua-dua hadith di atas juga menegaskan prinsip tanggungjawab kepemimpinan yang bersifat menyeluruh dan berasaskan keadilan, khususnya dalam konteks keluarga dan hak kanak-kanak. Hadith riwayat Ibnu ‘Umar menekankan bahawa setiap individu, sama ada pemerintah, suami, atau isteri, memikul amanah sebagai pemimpin terhadap orang di bawah jagaan mereka, termasuk anak-anak. Manakala hadith riwayat Anas bin Malik memperincikan bahawa kepemimpinan ini akan dipersoal oleh Allah, sama ada ia dijalankan dengan penjagaan atau pengabaian.

Dalam konteks hak kanak-kanak, kedua-dua hadith ini menjadi asas syarak yang kuat bahawa ibu bapa wajib berlaku adil, menjaga kebajikan, dan memenuhi hak anak-anak secara bertanggungjawab, bukan sekadar dari sudut fizikal tetapi juga emosi, pendidikan dan kasih sayang. Keadilan dalam pengasuhan bukan sahaja tuntutan moral, tetapi juga amanah ilahi yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat.

2. *Al-Hifz* (Perlindungan)

Kedua, prinsip *al-hifz* atau perlindungan dalam Islam menggariskan konsep perlindungan yang holistik merangkumi aspek fizikal, emosi, spiritual, dan sosial kanak-kanak (Ayob et al., 2024). Perlindungan tidak terhad kepada keselamatan fizikal semata-mata, malah menurut Salleh et al. (2022), ia merangkumi penjagaan kesihatan mental dan pembangunan emosi yang sihat.

Sebagai contoh, Rasulullah SAW menunjukkan kasih sayang dan perlindungan yang menyeluruh terhadap kanak-kanak sebagaimana yang tercatat dalam pelbagai hadith yang menggambarkan kelembutan baginda dalam berinteraksi dengan mereka.

Hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr daripada Nabi SAW, bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ شَرَفَ كَبِيرِنَا

Terjemahan: "Bukan daripada kalangan kami orang yang tidak mengasihani anak kecil kami dan tidak mengiktiraf kemuliaan (atau hak) orang tua kami." (Sunan al-Tirmizī, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah, Bāb Mā Jā’a fī Raḥmat al-Ṣibyān, No. 1920)

Hadith di atas menegaskan bahawa kasih sayang terhadap anak kecil adalah syarat keanggotaan dalam umat Nabi Muhammad ﷺ. Ia menunjukkan bahawa belas ihsan terhadap kanak-kanak bukan sekadar akhlak mulia, tetapi identiti keimanan dan sosial umat Islam. Pengabaian terhadap hak anak kecil bermakna menafikan nilai asas dalam masyarakat Islam.

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah daripada Nabi SAW, bersabda:

مَنْ لَا يَرْحَمْ لَا يُرْحَمْ

Terjemahan: “Sesiapa yang tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayanginya” (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmat al-Nās wa al-Bah’im, No. 6013)

Hadith di atas menjelaskan prinsip timbal balik ini menekankan bahawa rahmat Allah bergantung kepada rahmat sesama manusia. Dalam konteks kanak-kanak, ia menuntut agar mereka

dilayan dengan penuh kasih sayang, kerana kezaliman atau kekerasan terhadap mereka boleh menghalang turunnya rahmat Ilahi.

Selain itu, hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

مَا رَأَيْتُ أَحَدًا كَانَ أَرْحَمَ بِالْعِيَالِ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. قَالَ: كَانَ إِبْرَاهِيمَ مُسْتَرْضِعًا لَهُ فِي عَوَالِي الْمَدِينَةِ. فَكَانَ يَنْطَلِقُ وَتَحُنُّ مَعَهُ فَيَدْخُلُ الْبَيْتَ وَإِنَّهُ لَيُدَّخَنُ. وَكَانَ ظَنُرُهُ قَيْئًا. فَيَأْخُذُهُ فَيَقْبَلُهُ. ثُمَّ يَرْجِعُ. قَالَ عَمْرُو: فَلَمَّا تُوفِّيَ إِبْرَاهِيمَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "إِنَّ إِبْرَاهِيمَ ابْنِي. وَإِنَّهُ مَاتَ فِي النَّدْيِ. وَإِنَّ لَهُ لَطِظْرَيْنِ تَكْمَلَانِ رِضَاعَهُ فِي الْجَنَّةِ."

Terjemahan: Aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih penyayang terhadap anak-anak kecil berbanding Rasulullah ﷺ. Baginda mempunyai seorang anak bernama Ibrahim yang disusukan oleh seorang wanita di kawasan 'Awali (pinggir kota Madinah). Baginda sering pergi ke sana bersama kami, lalu masuk ke rumah yang ketika itu sedang berasap (kerana pekerjaan besi), kerana ibu susuan Ibrahim adalah isteri kepada seorang tukang besi. Baginda akan mengambil Ibrahim, menciumnya, kemudian kembali semula. Amru berkata: Ketika Ibrahim wafat, Rasulullah ﷺ bersabda: 'Sesungguhnya Ibrahim adalah anakku, dan dia meninggal dunia ketika masih menyusu. Sesungguhnya dia mempunyai dua ibu susuan di syurga yang akan menyempurnakan penyusuanannya.' (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Raḥmatih SAW li al-Ṣibyān wa al-'Iyāl, No. 2316)

Kisah Rasulullah ﷺ bersama anaknya Ibrahim menunjukkan manifestasi kasih sayang yang mendalam terhadap anak kecil. Baginda bukan sahaja menyantuni anaknya dengan ciuman dan kunjungan, malah menyebut penyusuan Ibrahim akan disempurnakan di syurga. Ini menekankan hak anak terhadap penjagaan, kasih sayang, dan perhatian yang berterusan, bahkan selepas kematian.

Begitu juga hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِيهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Terjemahan: "Sebaik-baik kamu adalah yang terbaik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang terbaik di antara kamu terhadap keluargaku." (Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Ḥusn Mu'āsharah al-Nisā', No. 1977, dinilai sahih oleh al-Albānī)

Hadith di atas menegaskan bahawa kebaikan seseorang diukur melalui layanan terhadap keluarganya, termasuk anak-anak. Ia memperkukuh hak anak untuk menerima layanan terbaik daripada ibu bapa, bukan sekadar nafkah zahir tetapi juga perhatian, pendidikan, dan kasih sayang.

Seterusnya hadith tentang Nabi Muhammad SAW memendekkan solat kerana tangisan bayi, diriwayatkan oleh Anas bin Malik:

إِنِّي لَأَدْخُلُ فِي الصَّلَاةِ وَأَنَا أَرِيدُ إِطَالَتَهَا، فَاسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ، فَاتَّجَوَّزُ فِي صَلَاتِي؛ مِمَّا أَعْلَمُ مِنْ شِدَّةِ وَجْدِ أُمِّهِ مِنْ بُكَائِهِ

Terjemahan: "Sesungguhnya aku masuk dalam solat dan aku berniat untuk memanjangkannya, kemudian aku mendengar tangisan bayi, maka aku memendekkan solatku kerana aku mengetahui betapa sedihnya hati ibunya mendengar tangisan anaknya." (Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Adhān, Bāb Man Akhaffa al-Ṣalāh 'Inda Bukā' al-Ṣabī, No. 709)

Rasulullah ﷺ melalui hadith di atas memendekkan solat kerana mendengar tangisan bayi, menunjukkan kepekaan luar biasa terhadap emosi ibu dan keperluan anak. Ini adalah bukti bahawa hak kanak-kanak untuk tidak dizalimi secara emosi atau ditinggalkan dalam kesusahan diiktiraf dalam tindakan Nabi sendiri, bahkan dalam ibadah.

Selain itu, perlindungan emosi turut ditekan melalui larangan mencaci atau menyakiti hati kanak-kanak, kerana hal ini boleh meninggalkan kesan jangka panjang terhadap perkembangan personaliti mereka (Yunus, 2003). Justeru, prinsip *al-hifz* ini menuntut pendekatan yang komprehensif

dalam memastikan kanak-kanak dilindungi daripada segala bentuk ancaman dan bahaya yang boleh menjejaskan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

3. *Al-Musyarakah* (Pelibatan)

Seterusnya, prinsip *al-musyarakah* atau pelibatan menegaskan kepentingan melibatkan kanak-kanak dalam proses pembuatan keputusan yang mempengaruhi kehidupan mereka sesuai dengan tahap kematangan dan keupayaan mereka (Yahaya & Baik, 2008). Pelibatan ini bukan sahaja mengiktiraf kanak-kanak sebagai individu yang mempunyai suara dan pandangan, tetapi juga sebagai langkah pembinaan karakter dan keyakinan diri (Salirawati, 2012). Dalam hal ini, hadith yang menekankan tanggungjawab kolektif dalam mendidik kanak-kanak menunjukkan bahawa setiap anggota masyarakat memainkan peranan dalam memastikan perkembangan kanak-kanak yang sihat.

Tambahan pula, pelibatan kanak-kanak dalam aktiviti komuniti dan keluarga membantu mereka memahami nilai-nilai sosial, tanggungjawab, dan membangunkan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kehidupan dewasa kelak (Dewi et al., 2021). Oleh sebab itu, prinsip *al-musyarakah* ini memerlukan pendekatan yang seimbang antara memberikan ruang untuk kanak-kanak menyuarakan pendapat mereka sambil memastikan bimbingan yang sesuai daripada orang dewasa.

Banyak hadith yang menceritakan pelibatan Hasan dan Husain bersama nabi SAW, antaranya daripada Buraidah al-Aslami:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخُطُّبُنَا إِذْ جَاءَ الْحُسَيْنُ وَالْحُسَيْنُ عَلَيْهِمَا قَمِيصَانِ أَحْمَرَانِ يَمْشِيَانِ وَيَعْتَرَانِ، فَتَرَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنَ الْمُنْتَبِرِ، فَحَمَلَهُمَا وَوَضَعَهُمَا بَيْنَ يَدَيْهِ، ثُمَّ قَالَ: صَدَقَ اللَّهُ (إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ). نَظَرْتُ إِلَى هَذَيْنِ الصَّبِيِّينِ يَمْشِيَانِ وَيَعْتَرَانِ، فَلَمْ أَصْبِرْ حَتَّى قَطَعْتُ حَدِيثِي وَرَفَعْتُهُمَا

Terjemahan: Rasulullah SAW sedang berkhutbah kepada kami ketika Hasan dan Husain r.a. datang memakai dua baju merah, berjalan sambil tersandung-sandung. Maka Rasulullah SAW turun dari mimbar, lalu mengangkat mereka dan meletakkan mereka di hadapannya, kemudian berkata: "Benarlah Allah (firman-Nya): 'Sesungguhnya harta dan anak-anak kamu hanyalah ujian'. Aku melihat kedua anak ini berjalan dan tersandung, maka aku tidak sabar sehingga memotong pembicaraanku dan mengangkat mereka berdua." (Sunan al-Tirmidzi, Kitāb al-Manāqib, Bāb Manāqib al-Ḥasan wa al-Ḥusayn, No. 3774, dinilai ṣaḥīḥ oleh al-Albānī)

Melalui hadith ini, tindakan Rasulullah SAW menghentikan khutbah demi menyambut Hasan dan Husain menunjukkan ketutamaan pelibatan emosional dan fizikal terhadap anak-anak. Ia menzahirkan bahawa hak kanak-kanak untuk mendapat perhatian dan kasih sayang tidak terpinggir walaupun dalam suasana formal seperti khutbah. Ini juga menekankan bahawa anak-anak bukan gangguan, tetapi amanah yang perlu diraikan.

Antara hadith yang lain, daripada Ya'la bin Murrah:

خَرَجْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَدُعِينَا إِلَى طَعَامٍ فَإِذَا حُسَيْنٌ يَلْعَبُ فِي الطَّرِيقِ، فَأَسْرَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَامَ الْقَوْمِ، ثُمَّ بَسَطَ يَدَيْهِ، فَجَعَلَ يَمُرُّ مَرَّةً هَا هُنَا وَمَرَّةً هَا هُنَا، يُضَاجِكُهُ حَتَّى أَخَذَهُ، فَجَعَلَ إِحْدَى يَدَيْهِ فِي ذَقْنِهِ وَالْأُخْرَى فِي رَأْسِهِ، ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حُسَيْنٌ مَيِّ وَأَنَا مِنْهُ، أَحَبَّ اللَّهُ مَنْ أَحَبَّ الْحُسَيْنَ وَالْحُسَيْنِ، سَبَطَانِ مِنَ الْأَسْبَاطِ

Terjemahan: Kami keluar bersama Nabi SAW dan diundang untuk makan. Tiba-tiba Husain bermain di jalan, maka Nabi SAW bergegas mendahului kaum itu, kemudian mengulurkan tangannya dan mula berkejar-kejaran dengannya sehingga Rasulullah SAW tertawa bersamanya sehingga baginda dapat menangkapnya. Lalu baginda meletakkan salah satu tangannya di dagu Husain dan tangan yang lain di antara kepala dan telinganya, kemudian memeluk dan menciumnya, lalu berkata: "Husain dariku dan aku dari Husain. Allah mengasihi sesiapa yang mengasihi dia. Hasan dan Husain adalah dua cucu dari cucu-cucuku." (al-Adab al-Mufrad, Bāb Mu'ānaqah al-Ṣabī, No. 364, dinilai ḥasan oleh al-Albānī)

Hadith di atas menjelaskan Nabi SAW berlari dan bergurau dengan Husain di jalanan, menunjukkan keterlibatan aktif dalam dunia kanak-kanak. Baginda tidak hanya membenarkan

permainan, tetapi turut serta secara fizikal dan emosional. Ini menegaskan hak kanak-kanak untuk bermain, berinteraksi, dan merasa dihargai oleh orang dewasa, termasuk pemimpin tertinggi umat.

Selain itu, Amru berkata: Ketika Ibrahim wafat, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ ابْنِي. وَإِنَّهُ مَاتَ فِي النَّدْيِ. وَإِنَّ لَهُ لَطِنْرَيْنِ تُكْمَلَانِ رِضَاعَهُ فِي الْجَنَّةِ.

Terjemahan: "Sesungguhnya Ibrahim adalah anakku, dan dia meninggal dunia ketika masih menyusu. Sesungguhnya dia mempunyai dua ibu susuan di syurga yang akan menyempurnakan penyusuanannya." (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Faḍā'il, Bāb Raḥmatuhu SAW li al-Ṣibyān wa al-'Iyāl, No. 2316)

Rasulullah SAW menyatakan kesedihan atas kewafatan anaknya Ibrahim dan menyebut penyusuan yang akan disempurnakan di syurga. Ini menunjukkan penglibatan baginda dalam aspek penjagaan awal kanak-kanak seperti penyusuan, serta pengiktirafan terhadap keperluan fizikal dan emosi anak kecil. Ia juga menekankan hak anak untuk mendapat penjagaan sempurna, walaupun dalam alam akhirat.

Tambahan lagi, daripada Nu'man bin Bashir meriwayatkan daripada Nabi SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَى

Terjemahan: "Perumpamaan orang-orang mukmin dalam saling berkasih sayang, belas kasihan, dan berempati sesama mereka adalah seperti satu jasad. Apabila salah satu anggota badan mengalami sakit, maka seluruh jasad akan merasakan (kepayahan) dengan demam dan tidak dapat tidur." (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Tarāḥum al-Mu'minīn, No. 2586)

Hadith di atas memberi asas bahawa keprihatinan terhadap kesakitan dan keperluan orang lain termasuk kanak-kanak adalah sebahagian daripada iman. Dalam konteks hak kanak-kanak, ia menuntut penglibatan masyarakat secara kolektif dalam menjaga kebajikan mereka, kerana penderitaan anak-anak adalah penderitaan umat.

4. *Al-Tanmiyah* (Pemberdayaan)

Akhir sekali, prinsip *al-tanmiyah* atau pemberdayaan memfokuskan kepada pembangunan potensi kanak-kanak secara optimum melalui pendidikan, latihan, dan pembinaan kemahiran yang komprehensif. Pemberdayaan ini merangkumi aspek intelektual, spiritual, fizikal, dan sosial yang bertujuan melahirkan individu yang berkualiti dan mampu menyumbang kepada masyarakat. Dalam konteks ini, hadith yang menekankan *itqan* atau kecemerlangan dalam setiap kerja yang dilakukan menjadi panduan untuk memastikan kanak-kanak dididik dengan standard yang tinggi dan diberikan peluang untuk mengembangkan bakat serta minat mereka.

Selanjutnya, pemberdayaan melalui pendidikan bukan sahaja terfokus kepada pencapaian akademik, malah turut merangkumi pembangunan akhlak, nilai-nilai murni, dan kemahiran hidup yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa depan. Justeru itu, prinsip *al-tanmiyah* ini menuntut pendekatan pendidikan yang holistik dan berterusan yang memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang yang sama untuk berkembang dan merealisasikan potensi mereka sepenuhnya. Konsep pembangunan berterusan ini diperkukuh oleh riwayat Anas bin Malik daripada Rasulullah SAW:

إِنْ قَامَتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فِسِيلَةٌ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَغْرِسْهَا

Terjemahan: "Jika hari kiamat telah tiba sedang di tangan salah seorang daripada kamu ada anak pokok kurma, jika dia mampu untuk tidak berdiri sehingga menanamnya, maka hendaklah dia menanamnya." (al-Adab al-Mufrad li al-Bukhārī, Bāb al-Istinā' al-Māl, No. 479, dinilai ṣaḥīḥ oleh al-Albānī)

Hadith di atas menggambarkan nilai usaha berterusan dan pelaburan jangka panjang, walaupun dalam keadaan paling genting. Dalam konteks hak kanak-kanak, ia menekankan bahawa pendidikan, pembangunan akhlak, dan penjagaan masa depan anak-anak adalah amanah yang mesti diteruskan tanpa

putus asa. Islam menggalakkan umatnya untuk terus menyemai manfaat, termasuk dalam bentuk ilmu dan nilai, demi generasi akan datang

Begitu juga sebuah athar daripada Saidina Umar:

عَلِّمُوا أَوْلَادَكُمْ الرِّمِيَّ وَالسِّبَاخَةَ وَرُكُوبَ الْخَيْلِ

Terjemahan: "Ajarkanlah kepada anak-anak kamu memanah, menunggang kuda, dan berenang." (al-Fawā'id al-Ilmiyyah min al-Durūs al-Bāziyyah, hlm. 320, kata-kata ini mauqūf kepada 'Umar bin al-Khattāb oleh Ibnu Bāz)

Athar di atas menekankan pembangunan fizikal, mental dan kemahiran survival dalam kehidupan anak-anak. Ia menunjukkan bahawa pemberdayaan kanak-kanak bukan hanya dalam aspek rohani dan akademik, tetapi juga dalam keupayaan jasmani dan sosial. Hak anak untuk belajar kemahiran hidup adalah sebahagian daripada tanggungjawab ibu bapa dalam membentuk generasi yang kuat dan berdikari.

Hadith yang lain daripada Saidatina Aisyah:

جَاءَتْنِي مِسْكِينَةٌ تَحْمِلُ ابْنَتَيْنِ لَهَا فَأَطْعَمْتُهَا ثَلَاثَ تَمَرَاتٍ، فَأَعْطَتْ كُلَّ وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا تَمْرَةً، وَرَفَعَتْ إِلَيَّ فِيهَا تَمْرَةً لِتَأْكُلَهَا، فَاسْتَطْعَمْتُهَا ابْنَتَاهَا فَشَقَّتِ التَّمْرَةَ الَّتِي كَانَتْ تُرِيدُ أَنْ تَأْكُلَهَا بَيْنَهُمَا، فَأَعْجَبَنِي شَأْنُهَا، فَذَكَرْتُ الَّذِي صَنَعَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَوْجَبَ لَهَا بِهَا الْجَنَّةَ، أَوْ أَعْتَقَهَا بِهَا مِنَ النَّارِ

Terjemahan: "Seorang wanita miskin datang kepadaku membawa dua orang anak perempuannya. Aku memberinya tiga buah kurma, lalu dia memberikan setiap anaknya satu kurma dan mengangkat satu kurma ke mulutnya untuk dimakan. Kedua anaknya meminta kurma darinya, maka dia membelah kurma yang hendak dimakannya untuk mereka berdua. Aku kagum dengan perbuatannya, lalu aku menceritakan apa yang dilakukannya kepada Rasulullah SAW. Baginda berkata: 'Sesungguhnya Allah telah mewajibkan syurga baginya dengan perbuatan itu, atau membebaskannya dari neraka dengan perbuatan itu.'" (Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adab, Bāb Faḍl al-Iḥsān ilā al-Banāt, No. 2630).

Kisah di atas menonjolkan pengorbanan dan keutamaan pemberian kepada anak-anak, walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Ia menunjukkan bahawa pemberdayaan anak-anak bermula dengan kasih sayang, keutamaan dalam pemberian, dan pengiktirafan terhadap keperluan mereka. Perbuatan ibu tersebut diangkat sebagai sebab masuk syurga, menandakan bahawa melindungi dan memajukan hak anak-anak adalah ibadah yang tinggi nilainya.

Jadual 1: Pemetaan Tiga Penunjuk SDGs 16.2 dan Empat (4) Tema Hadith

No	Penunjuk SDGs 16.2	TEMA HADITH			
		Keadilan	Perlindungan	Penglibatan	Pemberdayaan
1	Hukuman Fizikal dan Psikologi oleh Penjaga	✓✓✓	✓✓✓	✓✓	✓✓
2	Pemerdagangan Manusia (Kanak-kanak)	✓✓✓	✓✓✓	✓✓✓	✓✓
3	Keganasan Seksual Terhadap Kanak-kanak	✓✓✓	✓✓✓	✓✓	✓✓✓

Nota: ✓✓✓ Tahap Hubungan Tinggi, Tema hadith menyokong secara langsung penunjuk SDG.

✓✓ Tahap Hubungan Sederhana, Tema hadith menyokong secara tidak langsung penunjuk SDG.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

a. Tiga (3) Penunjuk Sasaran SDG 16.2

Penunjuk 16.2.1 (Hukuman Fizikal dan Psikologi oleh Penjaga) menekankan keperluan untuk mengukuhkan perlindungan kanak-kanak daripada keganasan dalam konteks domestik (Johari et al., 2025). Penunjuk ini khususnya merujuk kepada amalan hukuman fizikal yang berlebihan yang boleh meninggalkan kesan trauma jangka panjang kepada kanak-kanak (Azman et al., 2025).

Dalam konteks global, penunjuk ini mengakui bahawa pendekatan disiplin yang berasaskan kekerasan bukan sahaja tidak berkesan, malah boleh menjejaskan perkembangan kognitif, emosi, dan sosial kanak-kanak (Mohamad & Azizi, 2024; Nizam et al., 2023). Oleh itu, penunjuk ini menggalakkan pendekatan disiplin positif yang menekankan bimbingan, penetapan had yang sesuai, dan penggunaan konsekuensi yang mendidik tanpa menggunakan kekerasan fizikal atau psikologi.

Manakala, penunjuk 16.2.2 (Pemerdagangan Manusia - Kanak-kanak) menangani isu eksploitasi kanak-kanak dalam bentuk yang paling serius (Rahman, 2024; Zahir & Hasmadi, 2022). Pemerdagangan kanak-kanak merangkumi pelbagai bentuk eksploitasi termasuk buruh kanak-kanak, eksploitasi seksual komersial, pengemisan paksa, dan penggunaan kanak-kanak dalam aktiviti jenayah. Penunjuk ini mengiktiraf bahawa kanak-kanak adalah golongan yang paling terdedah kepada pemerdagangan manusia kerana kedudukan mereka yang lemah dalam masyarakat.

Pemerdagangan kanak-kanak sering melibatkan rangkaian jenayah yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang menyeluruh melibatkan pencegahan, perlindungan, pendakwaan, dan pemulihan (Arnakim & Zulhadith, 2021). Penunjuk ini juga menekankan kepentingan sistem perlindungan kanak-kanak yang kuat dan kerjasama antarabangsa dalam memerangi jenayah lintas sempadan ini.

Seterusnya, penunjuk 16.2.3 (Keganasan Seksual Terhadap Kanak-kanak) memfokuskan kepada bentuk keganasan yang paling mengerikan terhadap kanak-kanak (Azman et al., 2025). Keganasan seksual terhadap kanak-kanak merangkumi pelbagai bentuk pencabulan, penderaan seksual, dan eksploitasi yang meninggalkan kesan trauma yang mendalam dan berkekalan (Manaf, 2023). Penunjuk ini mengiktiraf bahawa keganasan seksual terhadap kanak-kanak berlaku merentasi semua lapisan masyarakat tanpa mengira status sosio-ekonomi, budaya, atau agama.

Pencegahan keganasan seksual memerlukan pendekatan yang holistik termasuk pendidikan kesedaran, penguatan sistem perlindungan, penambahbaikan undang-undang, dan pembangunan mekanisme pelaporan yang selamat (Amanda & Adhari, 2024; Farida & Handoko, 2024; Saputri et al., 2024). Penunjuk ini juga menekankan kepentingan rawatan dan pemulihan yang komprehensif untuk mangsa keganasan seksual.

b. Interpretasi Empat (4) Tema Hadith

i. Tema Keadilan (*al-'Adl*)

Pertama sekali, tema keadilan dalam hadith perlu difahami bukan sekadar sebagai prinsip kesamarataan, tetapi sebagai keadilan yang mengambil kira keperluan khusus setiap kanak-kanak (Hamzah, 2018). Dalam hal ini, hadith Nu'man bin Bashir *Ittaqullāha wa 'dilū bayna awlādikum* yang bermaksud “Bertakwalah kepada Allah dan berlakulah adil terhadap anak-anak kalian” menetapkan dua dimensi yang tidak terpisah, iaitu dimensi vertikal berupa taqwa kepada Allah dan dimensi horizontal berupa keadilan sesama anak-anak (Iftahuddin, 2025; Irawan, 2022).

Seterusnya, interpretasi kontekstual tema keadilan ini menunjukkan bahawa keadilan bukan bermaksud layanan yang serupa, sebaliknya layanan yang berkadar mengikut keperluan dan keadaan setiap kanak-kanak. Selain itu, hadith *Kullukum rā'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyatih* menekankan akauntabiliti kepimpinan yang adil pada setiap peringkat dalam masyarakat (Zaidi et al., 2023). Oleh sebab itu, prinsip keadilan ini berkaitan langsung dengan pencegahan diskriminasi dan memastikan akses yang sama kepada perlindungan untuk semua kanak-kanak (Amanda & Adhari, 2024).

Berkenaan dengan perkaitan tema keadilan dengan SDG 16.2, terdapat tiga hubungan yang signifikan. Pertama, dalam konteks Penunjuk 16.2.1, keadilan menuntut hukuman yang

tidak berlebihan dan berkadar dengan kesalahan yang dilakukan. Kedua, berkaitan dengan Penunjuk 16.2.2, keadilan menuntut perlindungan yang sama rata daripada eksploitasi tanpa mengira latar belakang kanak-kanak. Ketiga, dalam konteks Penunjuk 16.2.3, keadilan menuntut sistem perundangan yang melindungi semua kanak-kanak daripada keganasan seksual tanpa sebarang diskriminasi.

ii. Tema Perlindungan (*al-Hifz*)

Kedua pula, konsep *al-hifz* dalam hadith merangkumi lima dimensi perlindungan yang selari dengan maqasid al-shariah. Dimensi-dimensi tersebut meliputi *hifz al-nafs* (perlindungan jiwa), *hifz al-'aql* (perlindungan akal), *hifz al-nasl* (perlindungan keturunan), *hifz al-mal* (perlindungan harta), dan *hifz al-din* (perlindungan agama) (Sukadi, 2024). Justeru, pendekatan perlindungan dalam Islam adalah bersifat holistik dan menyeluruh (Solichin et al., 2025).

Dalam konteks interpretasi yang lebih mendalam, hadith *Laysa minnā man lam yarham ṣaghīranā* menunjukkan bahawa perlindungan merupakan tanda keimanan yang autentik (Hamid et al., 2024). Tambahan pula, kisah Nabi SAW memendekkan solat kerana mendengar tangisan bayi menunjukkan bahawa perlindungan emosi adalah keutamaan yang tidak boleh diabaikan (Ibnu Hajar al-Asqalani, 1970). Begitu juga, kelembutan Nabi SAW dengan Hassan dan Husain menunjukkan model perlindungan yang menggabungkan kasih sayang dengan pendidikan yang berkesan (al-Nawawi, 1972).

Dari segi relevansi dengan SDG 16.2, tema perlindungan mempunyai impak yang menyeluruh terhadap ketiga-tiga penunjuk. Pertama, berkaitan dengan Penunjuk 16.2.1, perlindungan menuntut pendekatan disiplin yang tidak merosakkan aspek fizikal dan psikologi kanak-kanak. Kedua, dalam konteks Penunjuk 16.2.2, perlindungan menuntut sistem pengawasan yang menyeluruh untuk mencegah eksploitasi kanak-kanak. Ketiga, berkenaan dengan Penunjuk 16.2.3, perlindungan menuntut persekitaran yang selamat daripada segala bentuk keganasan seksual.

iii. Tema Penglibatan (*al-Musyarakah*)

Seterusnya, tema penglibatan dalam hadith menunjukkan konsep syura (perundingan) yang disesuaikan dengan tahap kematangan kanak-kanak (Tuhuteru, 2022). Namun demikian, penglibatan ini bukan sekadar tentang penyertaan biasa, tetapi merupakan pengiktirafan terhadap kemanusiaan dan potensi kanak-kanak sebagai subjek yang aktif dalam kehidupan mereka (Jusof & Samaeng, 2025).

Dalam interpretasi yang lebih terperinci, hadith tentang Nabi SAW menurun dari mimbar untuk Hassan dan Husain menunjukkan keutamaan yang diberikan kepada keperluan kanak-kanak. Selanjutnya, konsep "jasad yang satu" dalam hadith menunjukkan tanggungjawab kolektif masyarakat dalam penglibatan kanak-kanak. Oleh itu, penglibatan bukan hanya dalam keputusan yang mempengaruhi mereka, tetapi juga dalam proses pembelajaran dan pembangunan komuniti.

Berdasarkan relevansi dengan SDG 16.2, tema penglibatan memainkan peranan penting dalam ketiga-tiga penunjuk. Pertama, berkaitan dengan Penunjuk 16.2.1, penglibatan memastikan kanak-kanak mempunyai suara dalam kaedah disiplin yang digunakan terhadap mereka. Kedua, dalam konteks Penunjuk 16.2.2, penglibatan masyarakat adalah penting dalam mengenal pasti dan melaporkan kes pemerdagangan manusia. Ketiga, berkenaan dengan Penunjuk 16.2.3, penglibatan dalam pendidikan keselamatan dan mekanisme pelaporan yang selamat adalah sangat kritikal.

iv. Tema Pemberdayaan (*al-Tanmiyah*)

Akhir sekali, tema pemberdayaan dalam hadith menunjukkan konsep tazkiyah (pembersihan jiwa) dan ta'lim (pendidikan) yang holistik (Ihsanudin, 2022). Dalam hal ini, pemberdayaan merangkumi pembangunan potensi fitrah manusia melalui pendidikan yang menyeluruh dan berterusan (Idris et al., 2024).

Dari segi interpretasi kontekstual, hadith tentang menanam pokok kurma walaupun kiamat sudah tiba menunjukkan komitmen yang mendalam terhadap pembangunan jangka panjang (al-Bukhari, 1998). Selain itu, athar Umar tentang mengajar anak-anak memanah, menunggang kuda, dan berenang menunjukkan pemberdayaan melalui kemahiran hidup yang praktikal (al-Suyuti, t.t). Begitu juga, kisah ibu yang berkongsi kurma dengan anak-anaknya menunjukkan pemberdayaan melalui penanaman nilai-nilai keluarga yang murni (Ibnu Hajar al-Asqalani, 1970).

Berkenaan dengan relevansi terhadap SDG 16.2, tema pemberdayaan mempunyai impak yang signifikan terhadap ketiga-tiga penunjuk. Pertama, dalam konteks Penunjuk 16.2.1, pemberdayaan dilaksanakan melalui pendidikan tentang hak kanak-kanak dan kaedah disiplin positif. Kedua, berkaitan dengan Penunjuk 16.2.2, pemberdayaan melibatkan kesedaran tentang risiko dan cara melindungi diri daripada eksploitasi. Ketiga, dalam konteks Penunjuk 16.2.3, pemberdayaan dilaksanakan melalui pendidikan seksual yang sesuai umur dan kemahiran keselamatan diri.

c. Integrasi Dua Konsep

Integrasi antara penunjuk SDG 16.2 dengan tema-tema hadith menunjukkan sinergi yang luar biasa antara nilai-nilai Islam dan agenda pembangunan mampan global, SDG 2030.


Penunjuk SDG 16.2.1 yang berkaitan dengan hukuman fizikal dan psikologi oleh penjaga dapat diintegrasikan dengan tema Keadilan dan Perlindungan dalam hadith untuk membentuk pendekatan disiplin positif yang berasaskan prinsip-prinsip Islam. Tema Keadilan menyediakan asas teologi untuk layanan yang saksama terhadap kanak-kanak, manakala tema Perlindungan menekankan tanggungjawab menyediakan persekitaran yang selamat dan menyokong. Integrasi ini menghasilkan model pendidikan kanak-kanak yang menggabungkan ketegasan dengan kasih sayang, di mana had dan peraturan ditetapkan dengan jelas tetapi dilaksanakan melalui cara yang tidak menjejaskan maruah dan kesejahteraan kanak-kanak.

Penunjuk SDG 16.2.2 berkaitan pemerdagangan manusia kanak-kanak dapat diintegrasikan dengan tema **Penglibatan dan Keadilan** untuk membentuk sistem perlindungan masyarakat yang komprehensif. Tema Penglibatan menekankan tanggungjawab kolektif masyarakat dalam melindungi kanak-kanak, manakala tema Keadilan memastikan bahawa sistem perlindungan ini beroperasi secara adil dan berkesan. Integrasi ini menghasilkan model pencegahan pemerdagangan manusia yang melibatkan semua lapisan masyarakat, daripada individu hingga institusi, dalam usaha melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi. Model ini juga menekankan kepentingan sistem keadilan yang cekap dan berkesan dalam mendakwa pelaku pemerdagangan manusia dan memberikan perlindungan serta pemulihan kepada mangsa.

Penunjuk SDG 16.2.3 berkaitan keganasan seksual terhadap kanak-kanak dapat diintegrasikan dengan tema Perlindungan dan Pemberdayaan untuk membentuk strategi pencegahan yang holistik. Tema Perlindungan menyediakan asas untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan bebas daripada ancaman keganasan seksual, manakala tema Pemberdayaan membekali kanak-kanak dengan pengetahuan dan kemahiran untuk melindungi diri mereka sendiri.

Integrasi ini menghasilkan pendekatan pencegahan keganasan seksual yang menggabungkan perlindungan luaran melalui sistem pengawasan dan kawalan yang berkesan dengan perlindungan dalaman melalui pendidikan kesedaran dan pembangunan kemahiran keselamatan diri.

Rajah 1: Hierarki Perlindungan Kanak-kanak



Integrasi menyeluruh antara kedua-dua konsep ini dapat digambarkan melalui Hierarki Perlindungan Kanak-kanak yang terdiri daripada lima peringkat berlapis. Peringkat Prinsip Asas mewakili nilai-nilai fundamental dalam hadis iaitu kasih sayang, keadilan, dan perlindungan yang menjadi asas kepada semua peringkat lain. Peringkat Individu melaksanakan tema *al-Hifz* (Perlindungan) melalui kasih sayang dan perlindungan dalam keluarga, yang menyokong secara langsung Penunjuk 16.2.1 berkaitan pencegahan hukuman fizikal dan psikologi.

Peringkat Keluarga mengaplikasikan tema *Al-'Adl* (Keadilan) dalam layanan dan penglibatan kanak-kanak, yang menyokong ketiga-tiga penunjuk SDG 16.2. Peringkat Masyarakat melaksanakan tema *al-Musyarakah* (Penglibatan) melalui tanggungjawab kolektif, yang khususnya relevan dengan Penunjuk 16.2.2 berkaitan pencegahan pemerdagangan manusia. Peringkat Institusi mengintegrasikan tema *al-Tanmiyah* (Pemberdayaan) melalui sistem keadilan dan pembangunan institusi yang berkesan, yang menyokong Penunjuk 16.2.3 berkaitan pencegahan keganasan seksual. Hierarki ini menunjukkan bahawa perlindungan kanak-kanak memerlukan pendekatan berlapis yang bermula daripada nilai-nilai spiritual dan dilaksanakan melalui sistem yang berstruktur dan bersepadu.

KESIMPULAN

Artikel ini telah menganalisis integrasi perspektif hadis dengan SDG 16.2 dalam perlindungan maruah kanak-kanak. Melalui kajian dokumen, empat prinsip hadis diidentifikasi: keadilan (*al-'adl*), perlindungan (*al-hifz*), penglibatan (*al-musyarakah*), dan pemberdayaan (*al-tanmiyah*). Keselarasan ini ditemui dengan tiga penunjuk SDG 16.2; pencegahan hukuman fizikal/psikologi, pemerdagangan manusia kanak-kanak, dan keganasan seksual. Kajian menunjukkan bahawa ajaran Islam melalui hadis menyediakan kerangka perlindungan yang komprehensif untuk kanak-kanak, mengintegrasikan nilai-nilai spiritual dengan objektif pembangunan global. Walaupun menghadapi cabaran interpretasi dan pelaksanaan, dapatan ini berpotensi membentuk dasar perlindungan yang sensitif budaya untuk 1.9-2

bilion populasi muslim global, mendekatkan jurang antara ajaran Islam dan agenda pembangunan mampan dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abrahamyan, A., Soares, S., Fraga, S., & Barros, H. (2024). Prevalence of Parental Violent Discipline Toward Children: Findings From A Portuguese Population. *Journal of Interpersonal Violence*, 8862605241230552. <https://doi.org/10.1177/08862605241230552>
- Akkari, A., & Radhouane, M. (2022). The difficulty of integrating religious diversity into intercultural approaches to education. In *Intercultural approaches to education: From theory to practice* (pp. 147-162). Springer.
- Arti kata daya - Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Online. (t.t.). dirujuk September 2, 2025,, <https://kbbi.web.id/daya>
- Al-'Ayni, B. D. A. M. M. ibn A. (n.d.). 'Umdat al-qari sharh sahih al-Bukhari. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi; Dar al-Fikr.
- Al-Bukhari, M. ibn Ismail. (1998). Al-Adab al-mufrad (S. ibn A. Al-Zuhairi, Ed.; with annotations by M. N. Al-Albani). Maktabah Al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Bukhārī, M. ibn Ismā'īl. (1993). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (M. D. al-Bughā, Ed.; 5th ed.). Dār Ibn Kathīr & Dār al-Yamāmah.
- Al-Haythami, A. al-H. N. al-D. A. ibn A. B. ibn S. (1994). Majma' al-zawa'id wa manba' al-fawa'id (H. al-D. al-Qudsi, Ed.). Maktabat al-Qudsi.
- Al-Nasā'ī, A. ibn Shu'ayb. (1986). Sunan al-Nasā'ī ('A. al-F. Abū Ghuddah, Ed.). Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah.
- Al-Suyuti, J. al-D. 'A. al-R. ibn A. B. (n.d.). Jami' al-ahadith [Contains: Jami' al-jawami', al-Jami' al-azhar, Kunuz al-haqā'iq by al-Manawī, and al-Fath al-kabir by al-Nabhani] (Research team under supervision of Dr. Ali Jum'ah, Ed.).
- Al-Tirmidhī, M. ibn 'Īsā. (1998). Jāmi' al-Tirmidhī (B. 'Awwād Ma'rūf, Ed.). Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Amanda, C., & Adhari, A. (2024). Pentingnya pendidikan seksualitas dalam mencegah kekerasan seksual terhadap perempuan. *Ranah Research: Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 7(1), 677-686.
- Arnakim, L. Y., & Zulhadis, M. (2021). Respon kerajaan Malaysia terhadap pemerdagangan manusia, 2010-2015. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 30(1).
- Asdlori & Yahya, M. S. (2023). The Significance of Islamic Education Integration in Sustainable Development Goals in Purwokerto. *International Journal of Graduate of Islamic Education*, 4(1), 191-201
- Ayob, M. A. S., Soh, N. S. M., Sairi, F. M., Zaini, M. N. M., & Aziz, A. A. (2024). Integrasi spiritual dan agama dalam membina ketahanan diri menghadapi cabaran hidup. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(3), 178-191.
- Azman, A. A., Abdullah, H., & Nor, M. (2025). Kesan trauma zaman kanak-kanak terhadap kesejahteraan kesihatan mental kanak-kanak dan tingkah laku dewasa: Lensa profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Jurnal Wacana Sarjana*, 9(1), 1-15.
- Biermann, F., Hickmann, T., & Sénit, C.-A. (2022). *The political impact of the sustainable development goals: Transforming governance through global goals?* Cambridge University Press.
- Current Muslim Population Statistics Worldwide A Comprehensive Analysis - Equantu Technology. (t.t.). Dirujuk 3 September 2025, <https://www.equantu.com/news/current-muslim-population-statistics-worldwide-a-comprehensive-analysis>
- Davidson, J., Elsley, S., Giraldi, M., Goudie, A., Hope, K., Lyth, A., & Van Keirsbilck, B. (2019). Justice for children, justice for all: The challenge to achieve SDG16+: A background challenge paper for the Task Force on Justice. <https://doi.org/10.17868/strath.00083449>
- Dery, T. (2002). Keadilan dalam Islam. *MIMBAR: Jurnal Sosial dan Pembangunan*, 18(3).
- Farida, A., & Handoko, P. (2024). Efforts to prevent and handle sexual violence in higher education. *Sosio Yustisia: Jurnal Hukum dan Perubahan Sosial*, 4(1), 119-136.

- Gregorzewski, M., O'Connor, B., & O'Connor, P. (2023). Addressing SDG16.2: Eliminating violence towards children – An applied theatre approach. *Nordic Journal of Art & Research*, 12(2). <https://doi.org/10.7577/ar.5082>
- Gunaratna, R., & Pethö-Kiss, K. (2023). Terrorism and the Pandemic: Weaponizing of COVID-19. *Terrorism and the Pandemic: Weaponizing of COVID-19*, 1–213. <https://doi.org/10.3167/9781800738010>
- Hamid, A., Firdaus, S., & Gumindari, S. (2024). Nilai-nilai Qur'ani sebagai paradigma perlindungan perempuan: Solusi atas femisida dan kekerasan berbasis gender. *Equalita: Jurnal Studi Gender dan Anak*, 6(1), 37-53.
- Hamzah, N. A. (2018). Pelaksanaan peruntukan perlindungan dan kebajikan kanak-kanak menurut undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Kajian dari perspektif Konvensyen Hak Kanak-kanak 1989 [Doctoral dissertation, University of Malaya].
- Hashim, I. I., Yusof, W., & Mohd Kusrin, Z. (2019). KONSEP PENGABAIAN DAN KECUAIAN KANAK-KANAK OLEH IBU BAPA DAN PENJAGA DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(1), 57-70. <https://doi.org/10.33102/mjssl.v7i2.122>
- Heinsohn, G. (2023). Islamic war index. Karto-Teka Gdańska. <https://doi.org/10.26881/kg.2023.2.09>
- Hussain, H., & Majid, L. A. (2024). Pengajian hadis dalam era moden: Cabaran dan implikasi terhadap kesahihan sumber. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(3), 192-200.
- Hutchinson, A. J., O'Leary, P., Squire, J., & Hope, K. (2015). Child Protection in Islamic Contexts: Identifying Cultural and Religious Appropriate Mechanisms and Processes Using a Roundtable Methodology. *Child Abuse Review*, 24(3), 164-175. doi: <https://doi.org/10.1002/car.2304>
- Ibn Hajar al-Asqalani, A. ibn A. (1970). *Fath al-Bari bi sharh al-Bukhari* (M. F. Abd al-Baqi, Numbering Ed.; M. al-D. al-Khatib, Production Ed.). Al-Maktabah al-Salafiyah.
- Ibn Taymiyyah, S. al-I. A. (2004). *Majmu' al-fatawa* (A. Rahman, Ed.). *Majma' al-Malik Fahd*.
- Idris, R., Salleh, H. M., Yip, N. M., Sapuan, N. A., Shafie, R. S., & Saipul, S. N. A. (2024). Karamah insaniah dan proses kemenjadian dalam pendidikan al-hikmah: Satu tinjauan awal. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(3), 360-371.
- Iftahuddin, M. I. (2025). Nilai-nilai tauhid dalam pendidikan agama Islam: Sebuah kajian pustaka. *Al-Furqan: Jurnal Agama, Sosial, dan Budaya*, 4(4), 1216-1226.
- Ihsanudin, N. (2022). Pendidikan Islam dalam perspektif hadits: Kajian konsep al-tarbiyah, al-ta'lim, al-ta'dib dan al-tazkiyah. *Al-Ihda': Jurnal Pendidikan dan Pemikiran*, 17(2), 795-803.
- Irawan, D. (2022). Pendidikan agama Islam dalam menciptakan kepribadian yang baik di keluarga dan masyarakat. *Jurnal Intelektualita: Keislaman, Sosial Dan Sains*, 11(2), 222-231.
- Jannah, A. (2023). Peran pendidikan agama Islam dalam membina karakter religius siswa sekolah dasar. *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar*, 8(2), 2758-2771.
- Johari, H., Zakaria, N., Hamid, M. A., Amirrudin, R., & Kedah, J. K. M. N. K. J. (2025). Analisis literatur menangani isu keganasan rumah tangga demi membangun Malaysia Madani. [Analysis of literature addressing the issues of domestic violence for the development of a civilized Malaysia].
- Jusof, N., & Samaeng, A. (2025). Educational psychology in Islamic preaching. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 161-177.
- Kigonya, T., & Olsson, I. (2023). Cultural understanding and the impact of domestic violence against children in Uganda communities: A case study of child maltreatment in Busoga and Acholi regions. *Journal of Social Science Studies*, 10(2), 1-73.
- Lansdown, G. (2020). Strengthening child agency to prevent and overcome maltreatment. *Child Abuse & Neglect*, 110, 104398. <https://doi.org/10.1016/j.chiabu.2020.104398>
- Lawrence, A. W., Noel, I., & Damiete, O. L. (2020). Comparative analysis of alignments between SDG16 and the other sustainable development goals. *International Business Research*, 13(10), 1-13. <https://doi.org/10.5539/ibr.v13n10p13>

- Manaf, M. A. (2023). Policy on protection of paedophilia victim according to the law in Malaysia and its control through prevention programmes. *Al-Hikmah*, 15(1), 14-28.
- Marpaung, M., & Lubis, I. S. (2025). Integration between the sharia maqasid principles and the sustainable development goals (SDGs). *Inisiatif: Jurnal Ekonomi, Akuntansi dan Manajemen*, 4(2), 338-346.
- Mochammad Sahid, M., Samsudin, T., Nik Wajis, N. R., & Baharli, N. S. (2024). Hak Terhadap Pendidikan Bagi Pesalah Kanak-Kanak: Kajian Di Sekolah Henry Gurney, Melaka. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(3), 609-619. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no3.447>
- Mohamad, A. D., & Azizi, N. A. (2024). Parental strategies in shaping children's positive emotions at Sekolah Kebangsaan Melor, Kota Bharu. *Al-Hikmah*, 16(1), 90-112.
- Mohd Afendi, S. H., Samudin, S. A., & Hanafi, H. (2023). Tafsiran Had Umur Pesalah Muda Kanak-Kanak dari Sudut Fiqh dan Perundangan Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 122-136. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.270>
- Muslim, M. ibn Hajjāj. (1955). *Ṣaḥīḥ Muslim* (M. F. 'Abd al-Bāqī, Ed.). Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Nafsaka, Z., Kambali, K., Sayudin, S., & Astuti, A. W. (2023). Dinamika pendidikan karakter dalam perspektif Ibnu Khaldun: Menjawab tantangan pendidikan Islam modern. *Jurnal Impresi Indonesia*, 2(9), 903-914.
- Nizam, N. N. M. N., Asmuri, A. I., Asri, N. S. M., Mazlan, N. H., Rafiee, M. D. D., & Azhar, M. A. S. (2023). Peranan undang-undang Islam dalam membendung gejala sosial dan memelihara institusi keluarga. *E-Journal of Islamic Thought & Understanding*, 6(1), 40-59.
- Noh, M. S. M. (2022). Economic sustainability from maqasid al-shariah perspective in IR 4.0 era. *ALBASIRAH JOURNAL*, 12(2), 153-165.
- Rahman, N. R. A. (2024). Jenayah pemerdagangan manusia menurut perspektif global dan Islam. *Journal of Law and Governance*, 5(1), 312-143.
- Salirawati, D. (2012). Percaya diri, keingintahuan, dan berjiwa wirausaha: Tiga karakter penting bagi peserta didik. *Jurnal Pendidikan Karakter*, 3(2).
- Salleh, S., Wazir, R., Abd Rahman, K. A., Sudi, S., Awang, A. H., & Kamarulzaman, A. I. (2022). Mengatasi masalah kesihatan mental melalui pendekatan psiko spiritual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 601-615.
- Samuri, M. A. A., Awal, N. A. M., Sham, F. M., & Zainol, N. I. (2021). Hak kanak-kanak dalam institusi tahanan menurut instrumen antarabangsa dan perundangan Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 12(2), 283-305.
- Saputri, D., Putri, W. J., Kaya, A. E. M., Saputra, F., & Kadir, S. A. (2024). Review of sexual violence against children: Reality, impact, and protection efforts. *Formosa Journal of Sustainable Research*, 3(4), 647-660.
- Sarudin, N. H. H., & Jait, A. (2023). Sistem pengurusan kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan perlindungan: Kajian kes di Kompleks Rumah Kebajikan, Brunei Darussalam. *AR-RĀ'IQ*, 6(2), 59-120.
- Savelovici, A. (2024). Challenges in religious education in the current context. In *Values, education, responsibility: Pedagogical research* (pp. 179-187). Editura Eikon.
- Shariff, R. N. M. (2017). *Pengguna bijak undang-undang*. UUM Press.
- Solichin, M. M., Alim, W. S., & Nasir, J. A. (2025). Perlindungan anak terhadap kekerasan di pesantren: Perspektif hukum terhadap pendidikan Islam. Penerbit KBM Indonesia.
- Sukadi, I. (2024). Perlindungan hukum terhadap perempuan dibawah umur akibat perkawinan dini perspektif maqashid syariah. *EGALITA: Jurnal Kesetaraan dan Keadilan Gender*, 19(2), 97-114.
- Tuhuteru, L. (2022). *Pendidikan karakter untuk menjawab resolusi konflik*. CV Azka Pustaka.
- Wahid, A., Amin, H., Assagaf, J., Yahya, A., & Nufiar, N. (2023). Sexual violence prevention strategies based on hadith guidance. *Ulumuna*, 27(2). <https://doi.org/10.20414/ujis.v27i2.678>
- Whitten, T., Tzoumakis, S., Green, M. J., & Dean, K. (2023). Global Prevalence of Childhood Exposure to Physical Violence within Domestic and Family Relationships in the General Population: A Systematic Review and Proportional Meta-Analysis. *Trauma Violence Abuse*, 25(2), 1411-1430. doi: <https://doi.org/10.1177/15248380231179133>

- Yahaya, A., & Baik, A. P. P. K. Y. (2008). Pembentukan keluarga yang bahagia: Cara membuat keputusan dan cara mengatasi masalah untuk kecemerlangan keluarga. *Jurnal*.
- Yunus, A. R. M. (2003). Gejala sosial dalam masyarakat Islam: Punca dan penyelesaian. Utusan Publications.
- Zahir, M. Z. M., & Hasmadi, N. A. A. H. (2022). Penderaan emosi terhadap kanak-kanak dari sudut perundangan. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 31, 19-30.
- Zaidi, M. A. M., Maryani, A. A., Yuan, J. K. T., Farok, M. D., Ramli, A. B., Lun, T. K., Yi, C. H., Hui, Y. Z., & Razali, N. A. (2023). Rasuah: Pencapaian persekitaran bebas rasuah melalui transformasi kepimpinan berintegriti. *Human Sustainability Procedia*, 3(2), 33-44.